



**MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PROGRAM MIKRO PPP  
(UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN/AGENSI KERAJAAN)**

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
PENGENALAN	4
<b>BAHAGIAN I: DANA MIKRO PPP</b>	
OBJEKTIF	5
SKOP PEMBIAYAAN	5 – 6
KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	6 – 7
KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA	7 – 9
PEMANTAUAN	9
KAEDAH PERMOHONAN	9
<b>BAHAGIAN II: <i>HOMESTAY</i> RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK</b>	
OBJEKTIF	10
SKOP PEMBIAYAAN	11 – 12
KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	12
KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA	13 – 15
PEMANTAUAN	15
KAEDAH PERMOHONAN	15
KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN	15
TARIKH KUATKUASA	16
PERMOHONAN	16
LAMPIRAN 1 – CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN DANA MIKRO PPP	
LAMPIRAN 2 – BORANG PERMOHONAN DANA MIKRO PPP	
LAMPIRAN 2a – BORANG PERMOHONAN DANA MIKRO PPP KEMENTERIAN/AGENSI	
LAMPIRAN 3 – CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN PEMBANGUNAN <i>HOMESTAY</i> RUMAH PANJANG	

**LAMPIRAN 4 – BORANG PERMOHONAN PEMBANGUNAN *HOMESTAY*  
RUMAH PANJANG**

**LAMPIRAN 5 – AKUAN BERSUMPAH**

**LAMPIRAN 6 – SURAT AKUAN INTEGRITI**

## PENGENALAN

1. Selaras dengan inisiatif Strategi Lautan Biru Negara, Kerajaan telah memperkenalkan Program Mikro PPP. Program Mikro PPP ini terbahagi kepada dua komponen berikut:

- (i) Dana Mikro PPP yang bertujuan untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan mereka. Peniaga dan penjaja kecil adalah sebagaimana yang didefinisikan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan iaitu mereka yang berniaga secara kecil-kecilan dan jualan perniagaan kurang daripada RM250,000 setahun; dan
- (ii) *Homestay* Rumah Panjang di Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk membangunkan unit-unit rumah panjang yang kosong untuk dijadikan *homestay*. Di samping itu, ianya bertujuan membangunkan rumah panjang baru bersebelahan rumah panjang sedia ada dan penyediaan infrastruktur asas yang lain.

2. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi Program ini yang akan disalurkan melalui Dana Mudahcara yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

3. Garis panduan ini terbahagi kepada dua bahagian, Bahagian I: Dana Mikro PPP yang mengariskan panduan bagi membantu peniaga dan penjaja kecil manakala Bahagian II: *Homestay* Rumah Panjang di Sabah dan Sarawak mengariskan panduan bagi pembangunan *homestay* rumah panjang di Sabah dan Sarawak di bawah Program Mikro PPP.

## **BAHAGIAN I: DANA MIKRO PPP**

### **OBJEKTIF**

1. Objektif program ini adalah untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan mereka di dalam pelbagai bentuk bidang perniagaan. Program ini juga mempunyai *touch point* kepada rakyat dari aspek meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih tinggi disamping melahirkan usahawan berdaya saing.
  
2. Program ini dijangka dapat melahir dan membangunkan sehingga 20,000 usahawan kecil. Selain dapat membantu meningkatkan imej perniagaan, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

### **SKOP PEMBIAYAAN**

3. Program ini akan dijalankan dalam dua fasa seperti berikut:
  - (i) Fasa I: Penyaluran geran kepada kementerian atau jabatan bagi menjalankan program yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) Khas Mikro PPP; dan
  
  - (ii) Fasa II: Permohonan oleh individu yang dibuat secara terus kepada UKAS, JPM atau melalui kementerian atau jabatan berkaitan. Had maksimum pembiayaan di bawah program ini adalah sehingga RM50,000 bagi setiap pemohon. Kaedah pembiayaan adalah secara *in-kind* dengan nisbah 50 peratus komitmen pemohon dan 50 peratus geran yang meliputi mesin, peralatan, bahan mentah dan lain-lain keperluan yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP.

4. Sementara itu, di bawah program khas Kerajaan, jumlah bantuan yang akan disalurkan adalah berdasarkan kepada jumlah keperluan sebenar peruntukan seperti yang dipohon oleh kementerian atau jabatan atau yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

#### **KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN**

5. Peserta yang layak dipertimbangkan bagi program ini adalah usahawan kecil di dalam pelbagai bentuk bidang perniagaan dengan keutamaan diberikan kepada:

- a) ibu tunggal;
  - b) veteran angkatan tentera; atau
  - c) penjaja.
6. Bidang-bidang perniagaan yang boleh dipertimbangkan adalah:
- a) Kiosk makanan segera;
  - b) Kiosk aksesori telekomunikasi;
  - c) Kiosk aksesori wanita;
  - d) Bazar malam (*uptown*), pasar malam dan seumpamanya;
  - e) Gerai makanan;
  - f) Gerai buah-buahan; dan
  - g) Lain-lain bidang yang berpotensi yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP.

7. Pemohon yang memohon Dana Mikro PPP mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang 18 tahun;
- c) Perniagaan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia/mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkaitan);
- d) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas dalam bidang yang akan diceburi;
- e) Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000;
- f) Tidak pernah mendapat pembiayaan Dana Mikro PPP; dan
- g) Gambar pemohon dan tapak perniagaan.

#### **KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA**

8. Prosedur kelulusan Dana Mikro PPP kepada peserta adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Penilaian (Seksyen Mikro PPP) akan membuat pemilihan dan penilaian berdasarkan kepada syarat permohonan yang telah ditetapkan;
- (ii) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP untuk kelulusan;

- (iii) Keahlian Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP adalah seperti berikut:
- a) UKAS, JPM – Pengerusi dan Urus setia;
  - b) Kementerian Kewangan;
  - c) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM);
  - d) Jabatan Peguam Negara; dan
  - e) Wakil kementerian/agensi/jabatan lain yang dijemput untuk menghadiri Mesyuarat mengikut keperluan;
- (iv) JKAS Khas Mikro PPP berhak untuk mengundang mana-mana individu untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud memberi pandangan dan nasihat tentang permohonan yang dinilai. Walau bagaimanapun, individu tersebut tidak berhak untuk membuat sebarang keputusan untuk atau bagi pihak JKAS Khas Mikro PPP;
- (v) Surat kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon oleh UKAS, JPM. Surat ini mempunyai tempoh sah laku selama tiga (3) bulan tertakluk kepada apa-apa syarat lain yang dinyatakan dalam surat tersebut. UKAS, JPM boleh mempertimbangkan lanjutan tempoh sah laku kelulusan jika perlu;
- (vi) Setelah kelulusan diperolehi, dana akan disalurkan kepada pentadbir dana yang dilantik atau sub-waran akan dikeluarkan bagi kementerian atau jabatan;
- (vii) Ringkasan carta aliran proses permohonan Dana Mikro PPP adalah seperti **Lampiran 1**; dan



- (viii) Bagi Fasa II, setelah permohonan diluluskan, satu Perjanjian Dana Mikro PPP (sekiranya ada) hendaklah ditandatangani antara Kerajaan (UKAS, JPM), pentadbir dana yang dilantik oleh Kerajaan dan pemohon sebelum Dana Mikro PPP dapat disalurkan. Perjanjian Dana Mikro PPP hendaklah ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat kelulusan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh UKAS, JPM. Terma dan syarat-syarat perjanjian termasuk skop pembiayaan akan dinyatakan dalam Perjanjian Dana Mikro PPP. Kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat-syarat Perjanjian Dana Mikro PPP boleh mengakibatkan penyaluran Dana Mikro PPP dibekukan atau ditarik balik.
9. Kos perkhidmatan yang dikenakan oleh pentadbir dana bagi penyaluran pembiayaan Mikro PPP yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP akan menggunakan dana Program Mikro PPP.
10. Penyaluran dana kepada kementerian atau jabatan/syarikat swasta (*service provider* yang dilantik)/peserta program adalah tertakluk kepada prosedur kewangan Kerajaan sedia ada.

## **PEMANTAUAN**

11. Pelaksanaan Program Mikro PPP secara keseluruhan akan dipantau oleh UKAS, JPM dengan mengadakan lawatan ke tapak secara berkala dengan kerjasama agensi yang dilantik oleh Kerajaan selaku pentadbir dana dan agensi yang terlibat dengan kumpulan sasaran yang menerima pembiayaan di bawah program ini.
12. Kementerian/jabatan/agensi/badan-badan berkanun Persekutuan/ syarikat swasta (*service provider* yang dilantik) yang terlibat dengan program ini perlu mengemukakan laporan/laporan bergambar secara berkala kepada UKAS, JPM untuk tujuan rekod.

## **KAEDAH PERMOHONAN**

13. Permohonan Dana Mikro PPP boleh dibuat melalui kaedah berikut menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran 2**:

- (i) Pencalonan oleh kementerian/jabatan/agensi/badan-badan berkanun Persekutuan/syarikat swasta (*service provider* yang dilantik); dan
- (ii) Peserta memohon secara terus kepada UKAS, JPM.

14. Permohonan Dana Mikro PPP oleh kementerian/jabatan/agensi/badan-badan berkanun Persekutuan boleh dibuat menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran 2a**.

## **BAHAGIAN II: HOMESTAY RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK**

### **OBJEKTIF**

1. Objektif program ini adalah untuk membantu penduduk luar bandar khususnya penduduk rumah panjang di Sabah dan Sarawak menjana pendapatan sampingan, sekaligus dapat mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan tegar. Di samping itu, ianya dapat membangunkan persekitaran rumah panjang serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

2. Program ini dijangka dapat membangunkan beberapa produk pelancongan baru dan menjana pendapatan bagi hampir 1,000 penghuni rumah panjang. Selain dapat membantu meningkatkan tarikan serta kedatangan jumlah pelancong di Sabah dan Sarawak, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

## SKOP PEMBIAYAAN

3. Had maksimum pembiayaan di bawah program ini adalah sehingga RM5,000,000.

4. Program akan dijalankan melalui dua fasa seperti berikut:

- (i) Fasa I: Menambahbaik dan meningkatkan kemudahan *homestay* rumah panjang sedia ada. Ianya meliputi perkara-perkara seperti membaiki ruai rumah panjang, bilik air, bilik tetamu, kemudahan infrastruktur landskap, membina pintu gerbang serta dewan komuniti bagi tujuan acara-acara keramaian; dan
- (ii) Fasa II: Membangunkan *resort homestay* rumah panjang tradisional bersebelahan rumah panjang sedia ada.

5. Fasa I akan menggunakan geran Mikro PPP. Skop pembiayaan merangkumi aspek pembangunan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan di rumah panjang seperti berikut:

- a) Bilik-bilik tidur, ruang tamu, ruang makan dan bilik air;
- b) Pendawaian elektrik;
- c) Saliran dan perparitan;
- d) Ruang orang ramai seperti ruai rumah panjang;
- e) Dewan aktiviti orang ramai;
- f) Tempat letak kereta awam serta tandas awam;
- g) Struktur rumah panjang (tiang, bumbung dan dinding);
- h) Jalan masuk ke rumah panjang;
- i) Pengindahan serta keceriaan rumah panjang;
- j) Pintu gerbang;
- k) Kawasan tarikan pelancongan berdekatan rumah panjang; dan
- l) Lain-lain kemudahan yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP.

6. Geran akan disalurkan kepada kementerian atau jabatan yang akan memantau operasi di rumah panjang tersebut. Penyaluran geran adalah mengikut kemajuan projek tersebut.

7. Fasa II adalah secara *matching grant* dengan nisbah 50 peratus komitmen pemohon dan 50 peratus geran. Ia melibatkan pembangunan rumah panjang sebagai *resort* pelancongan dikawasan-kawasan strategik bersebelahan rumah panjang sedia untuk menjadi daya tarikan pelancongan. Syarikat-syarikat swasta akan memohon *matching grant* melalui Mikro PPP yang disediakan untuk pembangunan *resort* tersebut mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah tertakluk kepada persetujuan penduduk tempatan serta daya maju projek tersebut.

#### **KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN**

8. Pembangunan rumah panjang sebagai *homestay* mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Rumah panjang perlu berdaftar dengan Kementerian Pelancongan untuk menjalankan operasi *homestay*;
- c) Rumah panjang mempunyai daya tarikan serta produk-produk pelancongan;
- d) Mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan kampung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang disediakan; dan
- e) Mematuhi syarat-syarat pembangunan *homestay* Kementerian Pelancongan Malaysia.

## KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA

9. Prosedur kelulusan adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Kementerian Pelancongan Malaysia akan ditubuhkan untuk membuat pemilihan dan penilaian berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- (ii) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP untuk kelulusan;
- (iii) Keahlian Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP adalah seperti berikut:
  - f) UKAS, JPM – Pengerusi dan Urus setia;
  - g) Kementerian Kewangan;
  - h) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM);
  - i) Jabatan Peguam Negara; dan
  - j) Wakil kementerian/agensi/jabatan lain yang dijemput untuk menghadiri Mesyuarat mengikut keperluan;
- (iv) JKAS Khas Mikro PPP berhak untuk mengundang mana-mana individu untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud memberi pandangan dan nasihat tentang permohonan yang dinilai. Walau bagaimanapun, individu tersebut tidak berhak untuk membuat sebarang keputusan untuk atau bagi pihak JKAS Khas Mikro PPP;
- (v) Setelah Mesyuarat JKAS Khas Mikro PPP meluluskan perakuan Jawatankuasa Teknikal, kertas perakuan pengeluaran waran

peruntukan akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS, JPM;

- (vi) Setelah kelulusan diperolehi, dana akan disalurkan ke kementerian atau jabatan untuk pelaksanaan;
  - (vii) Ringkasan carta aliran proses permohonan pembangunan *Homestay* Rumah Panjang adalah seperti **Lampiran 3**; dan
  - (viii) Bagi Fasa II, satu Perjanjian Mikro PPP *Homestay* Rumah Panjang (sekiranya ada) hendaklah ditandatangani antara Kerajaan (UKAS, JPM), pentadbir dana yang dilantik oleh Kerajaan dan syarikat sebelum dana dapat disalurkan. Perjanjian hendaklah ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh surat kelulusan atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh UKAS, JPM. Terma dan syarat-syarat perjanjian termasuk skop pembiayaan akan dinyatakan dalam Perjanjian Mikro PPP *Homestay* Rumah Panjang. Kegagalan untuk mematuhi terma dan syarat-syarat Perjanjian Mikro PPP *Homestay* Rumah Panjang boleh mengakibatkan penyaluran Dana Mikro PPP dibekukan atau ditarik balik.
10. Bagi pembiayaan melalui geran, penyaluran dana kepada kementerian atau jabatan adalah tertakluk kepada prosedur kewangan Kerajaan sedia ada.
11. Bagi pembiayaan secara *matching grant*, penyaluran dana adalah kepada pentadbir dana yang dilantik oleh Kerajaan. Pelantikan pentadbir dana adalah hak mutlak JKAS Khas Mikro PPP. Syarikat akan menerima pembiayaan secara bayaran balik mengikut kemajuan projek.

12. Kos perkhidmatan yang dikenakan oleh pentadbir dana bagi penyaluran pembiayaan Mikro PPP yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP akan menggunakan dana Program Mikro PPP.

## **PEMANTAUAN**

13. Jabatan Kerja Raya Negeri akan mengesahkan laporan kemajuan projek sebelum geran disalurkan kepada syarikat oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

14. Kementerian Pelancongan Malaysia dan Kementerian Pelancongan Negeri bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan memantau pelaksanaan projek dari semasa ke semasa dan mengemukakan laporan/laporan bergambar secara berkala kepada UKAS, JPM untuk tujuan rekod.

## **KAEDAH PERMOHONAN**

15. Permohonan boleh dibuat melalui kaedah berikut menggunakan borang permohonan seperti di **Lampiran 4**:

- (i) Pencalonan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia, Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri atau Unit Perancang Negeri; dan
- (ii) Syarikat memohon secara terus kepada UKAS, JPM.

16. Syarikat juga dikehendaki mengemukakan Akuan Bersumpah seperti di **Lampiran 5** dan Surat Akuan Integriti seperti di **Lampiran 6**.

## **KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN**

4. Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa.

## TARIKH KUATKUASA

5. Garis Panduan Program Mikro PPP ini berkuat kuasa mulai 12 Oktober 2012.

## PERMOHONAN

6. Sebarang maklumat tambahan yang diminta oleh pihak urus setia hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh makluman. Sekiranya pemohon gagal mengemukakan maklumat berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

7. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah  
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 14, Blok Menara  
Menara Usahawan  
Lot 2G6, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2  
**62562 PUTRAJAYA**

8. Sebarang pertanyaan berkenaan garis panduan hendaklah diajukan di talian: 03-8880 5873 atau faks: 03-8880 5880 atau E-mel: [feedback@ukas.gov.my](mailto:feedback@ukas.gov.my).
9. Semua keputusan Kerajaan berkenaan permohonan Program Mikro PPP ini adalah muktamad.